



STRATEGI GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM MENERAPKAN NILAI AKHLAK DI SEKOLAH RENDAH: SATU KAJIAN KUALITATIF

[STRATEGIES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN IMPLEMENTING MORAL VALUES IN PRIMARY SCHOOLS: A QUALITATIVE STUDY]

SYAZA BAZLIAH TAIB & MOHD ISA HAMZAH¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-Mail: syazabazliah@gmail.com; isa_hamzah@ukm.edu.my

Correspondent Email: isa_hamzah@ukm.edu.my

Received: 11 January 2026

Accepted: 20 January 2026

Published: 20 February 2026

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah di sekolah rendah. Isu keruntuhan akhlak dalam kalangan murid sekolah semakin membimbangkan selari dengan perkembangan teknologi dan perubahan sosial semasa. Walaupun pelbagai kajian terdahulu telah membincangkan kepentingan pendidikan akhlak serta peranan guru, kajian yang meneroka secara mendalam strategi sebenar yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dalam konteks bilik darjah sekolah rendah masih terhad, khususnya menggunakan pendekatan kualitatif. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama empat orang guru Pendidikan Islam di sekolah rendah terpilih. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola strategi penerapan akhlak yang diamalkan oleh guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi penerapan nilai akhlak Islamiah dilaksanakan melalui contoh teladan guru sebagai *qudwah hasanah*, pendekatan kasih sayang dalam hubungan guru dan murid, serta integrasi nilai akhlak dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman praktikal tentang peranan guru Pendidikan Islam sebagai agen pembentukan sahsiah murid, serta memberi implikasi terhadap penambahbaikan amalan pengajaran Pendidikan Islam dalam menghadapi cabaran pendidikan semasa.

Kata kunci: Guru Pendidikan Islam, Strategi Pengajaran, Penerapan Nilai, Akhlak.

Abstract: This study aims to identify the strategies of Islamic Education teachers in implementing Islamic moral values in primary schools. The issue of moral decay among school students is increasingly worrying in line with the development of technology and current social changes. Although various previous studies have discussed the importance of moral education and the role of teachers, studies that explore in depth the actual strategies practiced by Islamic Education teachers in the context of primary school classrooms are still limited, especially using a qualitative approach. Therefore, this study uses a qualitative approach through semi-structured interviews with four Islamic Education teachers in selected primary schools. Data is analyzed thematically to identify patterns of moral implementation strategies practiced by teachers. The study findings show that the strategy for implementing Islamic moral values is implemented through the role of teachers as role models as *qudwah hasanah*, a loving approach in teacher-student relationships, and the integration of moral values in the teaching and learning process.

This study contributes to a practical understanding of the role of Islamic Education teachers as agents of student character formation, as well as providing implications for improving Islamic Education teaching practices in facing current educational challenges.

Keywords: Islamic Education Teacher, Teaching Strategies, Application of Values, Morals



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:

Syaza Bazliah Taib & Mohd Isa Hamzah. 2026. Strategi Guru Pendidikan Islam dalam Menerapkan Nilai Akhlak di Sekolah Rendah: Satu Kajian Kualitatif [Strategies of Islamic Education Teachers in Implementing Moral Values in Primary Schools: A Qualitative Study]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 6(1), 1-14.

PENGENALAN

Peranan dan kepentingan akhlak dalam pembinaan sahsiah seseorang sememangnya tidak dapat dinafikan. Akhlak yang sebenar dalam Islam ialah akhlak yang berpaksikan ajaran agama yang benar, sebagaimana yang diwariskan oleh para nabi dan rasul sejak dahulu hingga kini. Sebagai umat Nabi Muhammad SAW, umat Islam dituntut untuk meneladani akhlak Baginda sebagai contoh dan pedoman dalam kehidupan. Dalam konteks yang lebih luas, elemen akhlak dan nilai menjadi kayu ukur kepada tahap ketamadunan sesuatu bangsa. Oleh itu, pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk akhlak individu berasaskan nilai-nilai murni yang diterapkan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pembentukan akhlak ini merupakan cerminan dalaman terhadap nilai-nilai praktikal yang dialami dan dihayati melalui pengalaman pembelajaran seharian (Mohammad Muslihuddin, 2014). Sehubungan itu, usaha pembentukan akhlak dan penerapan nilai dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) wajar diberi keutamaan bagi melahirkan insan kamil seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Menurut Al-Attas (2003), pendidikan pada hakikatnya merupakan suatu proses penerapan adab ke dalam diri seseorang insan. Selari dengan pandangan tersebut, Mohd. Nasir Omar (2010) menegaskan bahawa penerapan nilai merupakan aspek paling penting dalam proses pembentukan akhlak kerana nilai menjadi teras utama dalam pembangunan insan secara menyeluruh. Pendidikan juga tidak dapat dipisahkan daripada aspek moral dan akhlak memandangkan hubungan antara kedua-duanya sangat erat (Kamarul Azmi Jasmi, 2017). Nilai-nilai yang diajar oleh guru berpotensi memberi pengaruh positif terhadap pembentukan akhlak murid sekiranya disampaikan dengan pendekatan yang tepat dan berkesan (Kamarul Azmi Jasmi, 2017). Justeru, penerapan nilai akhlak sewajarnya dijadikan keutamaan dalam sistem pendidikan bagi melahirkan murid yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, malah berdisiplin serta memiliki sahsiah yang tinggi.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka secara sistematik strategi yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dalam menerapkan akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis cabaran yang dihadapi

oleh guru Pendidikan Islam dalam usaha menerapkan nilai akhlak Islamiah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penelitian terhadap strategi dan cabaran ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang amalan sebenar guru di bilik darjah, seterusnya menyumbang kepada pengukuhan pelaksanaan pendidikan akhlak Islamiah yang lebih berkesan dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran pendidikan semasa.

PERNYATAAN MASALAH

Kemajuan teknologi digital dan perkembangan media sosial yang pesat pada masa kini telah membawa cabaran baharu dalam pembentukan akhlak mulia dalam kalangan generasi muda, termasuk murid sekolah rendah. Akses tanpa batasan kepada internet, media sosial dan pelbagai kandungan digital telah mendedahkan murid kepada nilai, gaya hidup dan tingkah laku yang bertentangan dengan ajaran Islam. Situasi ini menyumbang kepada kecelaruan identiti dalam kalangan murid, sekali gus menyukarkan mereka untuk membina serta menghayati nilai-nilai murni secara konsisten dalam kehidupan seharian (Norharah Abd Hamid, 2021).

Kajian yang dijalankan oleh Norharah Abd Hamid (2021) mendapati bahawa kecenderungan remaja terlibat dalam masalah sosial dan keruntuhan akhlak adalah berpunca daripada tahap pengetahuan agama yang sederhana serta penghayatan agama yang rendah. Antara kesalahan syariah yang dikenal pasti termasuklah perbuatan zina, khalwat, tingkah laku tidak sopan di tempat awam serta kes sumbang mahram. Walaupun kajian tersebut lebih memfokuskan golongan remaja, implikasinya turut memberi kesan kepada peringkat sekolah rendah kerana proses pembentukan akhlak dan nilai bermula sejak usia awal. Sekiranya penerapan nilai akhlak Islamiah tidak dilaksanakan secara berkesan di peringkat rendah, murid berisiko untuk membawa kelemahan tersebut ke peringkat seterusnya.

Selain itu, masalah sosial yang berlaku dalam kalangan murid turut memberi kesan terhadap disiplin dan iklim pembelajaran di sekolah. Tingkah laku negatif seperti kurang adab terhadap guru, tidak menghormati rakan, serta pengabaian nilai murni menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta usaha pembentukan sahsiah murid (Mohd. Nasir Masroom, 2013). Kajian juga menunjukkan bahawa kelemahan penghayatan nilai dalam kalangan murid sekolah berkait rapat dengan kurangnya bimbingan berterusan serta pendekatan penerapan nilai yang bersifat kognitif semata-mata, tanpa pengukuhan aspek afektif dan amali (Zulkifli & Norazah, 2020).

Walaupun kurikulum Pendidikan Islam telah dirangka secara komprehensif untuk membentuk akhlak murid, pelaksanaannya di bilik darjah masih bergantung kepada kreativiti, keupayaan dan kesedaran guru dalam menerapkan nilai secara bersepadu. Kajian oleh Siti Norliana dan Ab. Halim Tamuri (2021) menunjukkan bahawa sebahagian guru masih cenderung menumpukan aspek penyampaian kandungan pelajaran berbanding strategi penerapan nilai secara eksplisit dan tersusun. Hal ini menyebabkan nilai akhlak yang diajar kurang dihayati dan diamalkan oleh murid dalam kehidupan seharian. Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk menjalankan kajian bagi mengenal pasti strategi guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah di sekolah rendah. Kajian ini penting bagi memahami pendekatan sebenar yang diamalkan oleh guru, seterusnya membantu

memperkuat pelaksanaan pendidikan akhlak Islamiah secara lebih berkesan dan berimpak tinggi dalam usaha melahirkan generasi murid yang berakhlak mulia, beriman dan bertakwa.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Akhlak dalam Islam

Akhlak merupakan elemen teras dalam ajaran Islam yang mencerminkan hubungan manusia dengan Allah SWT serta hubungan sesama manusia. Dari perspektif Islam, akhlak bukan sekadar tingkah laku luaran, malah merangkumi pembentukan dalaman seperti niat, sikap dan nilai yang mendorong seseorang bertindak secara konsisten ke arah kebaikan. Perkataan akhlak berasal daripada istilah Arab *khuluq*, yang mempunyai kaitan rapat dengan pembentukan jiwa dan peribadi seseorang insan. Oleh itu, akhlak dalam Islam dilihat sebagai hasil proses pendidikan dan pembiasaan yang berterusan, bukan sekadar perbuatan yang dilakukan secara paksaan.

Dalam konteks pendidikan, pembentukan akhlak perlu bermula sejak peringkat awal kerana nilai yang ditanam pada usia kanak-kanak akan membentuk asas sahsiah seseorang individu pada masa hadapan. Justeru, pendidikan akhlak merupakan satu proses yang bersifat jangka panjang dan memerlukan pendekatan yang sesuai dengan tahap perkembangan murid.

Akhlak Menurut Perspektif Cendekiawan Islam

Perbincangan mengenai konsep akhlak telah dihuraikan secara meluas oleh cendekiawan Islam, antaranya Imam al-Ghazali yang mentakrifkan akhlak sebagai suatu sifat yang sehati dalam jiwa sehingga melahirkan perbuatan secara spontan tanpa memerlukan pertimbangan yang panjang. Takrif ini menunjukkan bahawa pembentukan akhlak memerlukan proses pendidikan yang konsisten dan berperingkat agar nilai-nilai murni dapat dihayati secara mendalam. Mohd. Nasir Omar (2010) turut menegaskan bahawa akhlak yang baik terbentuk melalui gabungan aspek ilmu, penghayatan dan amalan. Hal ini bermakna pendidikan akhlak tidak memadai sekadar penyampaian pengetahuan secara kognitif, sebaliknya memerlukan pendekatan yang mampu menyentuh aspek afektif dan tingkah laku. Pandangan ini selari dengan keperluan guru untuk merancang strategi pengajaran yang bukan sahaja menyampaikan isi pelajaran, malah membentuk sahsiah murid secara menyeluruh.

Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Penerapan Akhlak

Guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting sebagai agen pembentukan akhlak dan sahsiah murid. Selain berfungsi sebagai penyampai ilmu, guru juga bertindak sebagai *qudwah hasanah* yang menjadi contoh teladan kepada murid melalui tingkah laku, pertuturan dan interaksi harian. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa keberkesanan penerapan nilai akhlak Islamiah banyak bergantung kepada keperibadian dan pendekatan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2017), guru yang mengamalkan nilai akhlak secara konsisten mampu mempengaruhi murid melalui proses peniruan dan

pembiasaan. Hal ini menunjukkan bahawa strategi penerapan akhlak tidak hanya berlaku secara eksplisit melalui pengajaran, tetapi juga secara implisit melalui amalan harian guru. Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu memiliki kefahaman yang jelas tentang pendekatan dan strategi yang sesuai dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah.

Murid Sekolah Rendah dan Keperluan Strategi Penerapan Akhlak

Murid sekolah rendah berada pada peringkat perkembangan awal dari segi kognitif, emosi dan nilai. Pada tahap ini, murid mudah dipengaruhi oleh persekitaran, rakan sebaya dan tingkah laku orang dewasa di sekeliling mereka. Oleh itu, strategi penerapan akhlak Islamiah perlu disesuaikan dengan tahap perkembangan murid agar nilai yang diajar dapat difahami dan dihayati dengan berkesan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penerapan nilai akhlak di sekolah rendah lebih berkesan apabila dilaksanakan melalui pendekatan yang bersifat praktikal seperti contoh teladan, kasih sayang, nasihat berhemah dan peneguhan positif. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian lebih menumpukan perbincangan konsep dan teori pendidikan akhlak, manakala kajian yang meneliti secara mendalam strategi sebenar yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dalam konteks bilik darjah masih terhad. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneroka strategi guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah di sekolah rendah.

Jurang Kajian

Walaupun pelbagai kajian terdahulu telah membincangkan konsep akhlak Islamiah, peranan guru serta kepentingan penerapan nilai dalam pendidikan, kebanyakan kajian tersebut lebih menumpukan perbincangan dari sudut teori dan kerangka konseptual. Kajian yang meneliti secara mendalam strategi sebenar yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah masih terhad, khususnya kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka pengalaman dan amalan guru secara langsung. Selain itu, cabaran semasa seperti pengaruh teknologi, latar belakang murid yang pelbagai dan kekangan masa pengajaran juga kurang diberi penekanan dalam kajian berkaitan penerapan akhlak Islamiah di peringkat sekolah rendah. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneroka strategi guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah secara lebih kontekstual dan mendalam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneroka secara mendalam strategi guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami pengalaman, amalan serta pertimbangan pedagogi guru dalam konteks sebenar pengajaran dan pembelajaran, khususnya yang melibatkan pembentukan akhlak berteraskan nilai Islam. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif deskriptif yang memfokuskan kepada penerokaan amalan dan strategi guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman sebenar mereka di sekolah. Reka bentuk ini sesuai

kerana kajian bertujuan untuk memahami fenomena sosial dan pendidikan secara holistik, tanpa memanipulasi pembolehubah kajian.

Peserta kajian terdiri daripada empat orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah di negeri Johor. Pemilihan peserta dibuat secara pensampelan bertujuan berdasarkan pengalaman mengajar serta penglibatan aktif mereka dalam pengajaran Pendidikan Islam. Walaupun bilangan peserta adalah terhad, jumlah ini memadai dalam kajian kualitatif kerana fokus kajian adalah terhadap kedalaman data dan kekayaan maklumat, bukannya generalisasi dapatan. Setiap peserta dipilih bagi membolehkan penerokaan strategi penerapan akhlak Islamiah daripada pelbagai perspektif pengalaman mengajar.

Jadual 1 Peserta Kajian yang terlibat

Peserta Kajian	Jantina	Pengalaman Mengajar	Bidang Mengajar
PK1	Perempuan	17 tahun	Pendidikan Islam
PK2	Perempuan	13 tahun	Pendidikan Islam
PK3	Perempuan	9 tahun	Pendidikan Islam
PK4	Lelaki	5 tahun	Pendidikan Islam

Kaedah pengumpulan data utama ialah temu bual separa berstruktur. Temu bual ini membolehkan pengkaji memperoleh data yang mendalam, fleksibel dan kontekstual berkaitan strategi, cabaran serta amalan guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah. Soalan temu bual dibina berdasarkan objektif kajian dan disesuaikan mengikut respons peserta bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses analisis melibatkan pengekodan terbuka, pengelompokan kod kepada subtema dan seterusnya pembentukan tema utama yang selari dengan objektif kajian. Analisis ini dilakukan secara sistematik bagi memastikan dapatan kajian dapat menjelaskan pola dan strategi penerapan nilai akhlak Islamiah yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam.

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, beberapa langkah telah diambil. Antaranya ialah semakan rakan penyelidik terhadap proses pengekodan dan pembentukan tema bagi mengurangkan bias pengkaji. Selain itu, petikan verbatim daripada temu bual digunakan untuk menyokong dapatan kajian bagi meningkatkan kredibiliti interpretasi data. Pendekatan ini membantu memastikan dapatan kajian adalah konsisten, boleh dipercayai dan mencerminkan pengalaman sebenar peserta kajian.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti strategi guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Dapatan kajian diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama empat orang guru Pendidikan Islam dan dianalisis secara tematik. Hasil analisis mendapati bahawa strategi penerapan akhlak Islamiah yang diamalkan oleh guru tertumpu kepada beberapa amalan utama yang konsisten merentas semua peserta kajian.

Temu bual merupakan kaedah terbaik untuk meneroka dan mendapatkan maklumat daripada informan (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2008). Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur bagi mendapatkan data. Dalam kaedah temu bual separa berstruktur, hanya soalan utama disediakan oleh pengkaji manakala soalan berikutnya adalah berdasarkan respons atau jawapan daripada peserta kajian. Dapatan kajian ini diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama empat orang guru Pendidikan Islam sebagai peserta kajian (PK1–PK4). Analisis data dilakukan secara tematik dengan melibatkan proses pengekodan terbuka, pengelompokan subtema dan pembentukan tema utama. Hasil analisis mendapati bahawa strategi guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah tertumpu kepada beberapa amalan utama yang konsisten merentas semua peserta kajian.

Tema 1: Strategi Penerapan Akhlak Melalui Contoh Teladan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa contoh teladan merupakan strategi teras yang diamalkan secara konsisten oleh semua peserta kajian dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah. Guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, malah berfungsi sebagai model akhlak yang diperhatikan dan ditiru oleh murid dalam interaksi harian. Antara bentuk contoh teladan yang dikenal pasti termasuk pertuturan sopan, penampilan menutup aurat, pengamalan adab Islam serta pendekatan nasihat secara berhemah. Jadual 2 menunjukkan dapatan temu bual terhadap peserta kajian tentang strategi penerapan akhlak melalui contoh teladan akhlak yang ditunjukkan oleh guru.

Jadual 2 Dapatan Temu Bual Terhadap Peserta Kajian

Apakah strategi yang cikgu gunakan untuk menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid? Bagaimanakah cikgu membuat pendekatan dalam mendidik murid mengamalkan akhlak Islamiah?	
PK1	“Saya pastikan tutur kata saya terkawal sebab murid akan ulang apa yang mereka dengar.”
PK2	“Kalau guru sendiri tak jaga aurat dan adab, susah murid nak ikut. Murid sebenarnya banyak meniru.”
PK3	“Saya biasakan beri salam dan tunjukkan adab Islam setiap hari supaya jadi rutin murid.”
PK4	“Saya lebih suka memberi nasihat secara berhemah kepada murid, bukannya hukum dan herdik. Bila kita tak guna kekerasan, murid lebih mudah terima nasihat kita.”

Berdasarkan temu bual bersama peserta kajian, contoh teladan dikenal pasti sebagai antara strategi yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah. Peserta kajian menjelaskan bahawa tingkah laku guru seperti pertuturan sopan, penampilan menutup aurat serta amalan adab Islam menjadi rujukan kepada murid dalam interaksi harian di sekolah.

Seperti yang dinyatakan oleh PK1, “Saya pastikan tutur kata saya terkawal sebab murid akan ulang apa yang mereka dengar.” Pandangan ini disokong oleh PK2 yang menegaskan bahawa murid cenderung meniru tingkah laku guru, khususnya dalam aspek adab dan penampilan. Antara bentuk contoh teladan yang dikenal pasti termasuk pertuturan yang sopan, penampilan menutup aurat, pengamalan adab Islam serta pendekatan nasihat secara berhemah tanpa menggunakan kekerasan. Pendekatan ini membantu murid menerima teguran dengan lebih terbuka, membentuk adab berkomunikasi yang baik serta mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan selamat. Amalan guru yang konsisten memberi mesej tidak langsung kepada murid tentang kepentingan adab, disiplin diri dan penghormatan terhadap orang lain.

Tema 2: Strategi Penerapan Akhlak Berasaskan Kasih Sayang

Dapatan kajian ini mendapati bahawa pendekatan kasih sayang merupakan antara strategi penting dalam membentuk hubungan positif antara guru dan murid, seterusnya menyokong penghayatan nilai akhlak Islamiah. Peserta kajian menekankan kepentingan kepekaan terhadap emosi murid, interaksi beradab, teguran berhemah serta pemberian pujian dan galakan. Jadual 3 menunjukkan dapatan temu bual terhadap peserta kajian tentang strategi penerapan akhlak berasaskan kasih sayang yang ditunjukkan oleh guru.

Jadual 3 Dapatan Temu Bual Terhadap Peserta Kajian

Apakah strategi yang lain yang cikgu gunakan untuk menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid? Boleh cikgu berikan contoh situasi dengan murid cikgu?	
PK1	“Saya lebih suka pendekatan lembut. Murid sekarang ni sensitif, jadi bila kita tegur dengan nada baik, mereka lebih mudah terima. Mereka tahu cikgu tegur sebab sayang.”
PK2	“Bila saya panggil murid dengan nama dan tanya khabar mereka, hubungan jadi lebih rapat. Murid lebih beradab dan hormat bila rasa disayangi.”
PK3	“Saya jarang marah di depan kelas. Kalau ada kesalahan, saya panggil secara individu dan nasihatkan dengan baik.”
PK4	“Pujian sangat berkesan, terutama murid lemah. Bila dipuji, mereka jadi lebih yakin dan berusaha jaga tingkah laku.”

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan kasih sayang merupakan antara strategi penting yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak kepada murid sekolah rendah. Guru menggunakan pendekatan lembut dengan mengambil kira emosi murid bagi memudahkan penerimaan nasihat dan pengajaran. Interaksi yang berlandaskan adab dan kasih sayang, seperti memanggil murid dengan nama serta bertanya khabar, membantu mewujudkan rasa dihargai dalam diri murid dan mendorong mereka menunjukkan tingkah laku yang beradab serta menghormati guru.

Selain itu, teguran secara berhemah dan bersifat individu didapati lebih berkesan dalam membantu murid menyedari kesilapan tanpa menjejaskan harga diri mereka, selaras dengan

prinsip tarbiah Islam yang menekankan hikmah dalam mendidik. Pujian dan galakan pula dikenal pasti sebagai bentuk peneguhan positif yang mampu meningkatkan keyakinan diri murid serta mendorong mereka memperbaiki tingkah laku.

Tema 3: Cabaran Guru dalam Menerapkan Akhlak Terhadap Murid

Dapatan kajian turut mengenal pasti beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam usaha menerapkan nilai akhlak Islamiah. Antara cabaran tersebut ialah latar belakang keluarga murid, pengaruh rakan sebaya, pengaruh teknologi serta kekangan masa pengajaran. Pengaruh keluarga dikenal pasti sebagai faktor signifikan apabila kurangnya sokongan dan didikan awal di rumah menyukarkan usaha guru untuk membentuk akhlak murid secara konsisten. Jadual 4 menunjukkan dapatan temu bual terhadap peserta kajian tentang cabaran guru dalam menerapkan akhlak terhadap murid.

Jadual 4 Dapatan Temu Bual Terhadap Peserta Kajian

Apakah cabaran yang dihadapi oleh cikgu dalam usaha menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid?	
PK1	“Ada murid yang kurang mendapat sokongan dan didikan daripada keluarga, jadi susah nak bentuk akhlak murid jika dari rumah pun tidak dididik dengan betul.”
PK2	“Pengaruh rakan sebaya yang tidak baik banyak mempengaruhi tingkah laku murid.”
PK3	“Pengaruh media sosial sangat kuat, kadang bercanggah dengan nilai yang diajar.”
PK4	“Masa PdP terhad ketika di sekolah sahaja, jadi tidak cukup masa sebenarnya jika hanya mengharapkan guru maka penerapan akhlak perlu dibuat secara berterusan tidak hanya di sekolah.”

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam usaha menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah faktor latar belakang keluarga, khususnya kurangnya sokongan dan didikan awal di rumah, yang menyukarkan pembentukan akhlak murid secara konsisten. Keadaan ini menyebabkan guru terpaksa memikul tanggungjawab yang lebih besar bukan sahaja dalam aspek akademik, malah dari segi sahsiah dan tingkah laku murid. Selain itu, pengaruh rakan sebaya turut memberi kesan signifikan apabila murid mudah terikut-ikut dengan tingkah laku negatif, sekali gus menjejaskan usaha penerapan nilai akhlak di sekolah. Selain faktor persekitaran sosial, pengaruh teknologi dan media sosial turut dikenal pasti sebagai cabaran besar apabila murid terdedah kepada kandungan digital yang bercanggah dengan nilai Islam. Situasi ini menuntut guru Pendidikan Islam untuk lebih kreatif dan berstrategi agar penerapan nilai akhlak kekal relevan dengan realiti semasa murid. Di samping itu, kekangan masa pengajaran dan pembelajaran turut menghadkan usaha guru untuk memberi penekanan berterusan terhadap pembentukan akhlak.

PERBINCANGAN

Bahagian perbincangan ini menghuraikan dan mentafsir dapatan kajian berkaitan strategi guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah di sekolah rendah. Hasil analisis mendapati bahawa guru Pendidikan Islam mengaplikasikan pelbagai strategi pengajaran yang bersifat holistik, berfokuskan pembentukan akhlak murid secara berterusan dan berperingkat, selaras dengan perkembangan kognitif dan emosi murid sekolah rendah. Guru Pendidikan Islam dilihat sebagai *role model* utama yang menjadi rujukan murid dalam menghadapi realiti kehidupan semasa yang semakin mencabar. Amalan-amalan seperti yang digariskan oleh Imam al-Ghazali iaitu kasih sayang, keikhlasan, nasihat yang berhikmah, kebijaksanaan dalam menegur kesilapan, pengajaran secara bertahap serta pengamalan ilmu dalam kehidupan seharian ini dikenal pasti sebagai strategi utama guru Pendidikan Islam dalam membentuk dan meningkatkan penghayatan akhlak Islamiah murid.

Strategi Guru Pendidikan Islam dalam Penerapan Akhlak

Analisis dapatan kajian memperlihatkan bahawa guru Pendidikan Islam mengamalkan pendekatan yang bersifat menyeluruh dan bersepadu dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah. Strategi seperti contoh teladan, pendekatan kasih sayang serta nasihat berhemah tidak dilaksanakan secara terasing, sebaliknya saling melengkapi dalam proses pembentukan akhlak murid. Pendekatan ini mencerminkan kefahaman guru terhadap keperluan perkembangan murid yang memerlukan bimbingan secara berperingkat dan berterusan.

Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Imam al-Ghazali yang menegaskan bahawa pembentukan akhlak berlaku melalui proses pembiasaan dan peniruan terhadap tingkah laku yang baik. Dalam konteks pendidikan sekolah rendah, murid lebih cenderung mempelajari nilai akhlak melalui pengalaman harian bersama guru berbanding penyampaian teori semata-mata. Hal ini menunjukkan bahawa strategi penerapan akhlak yang berkesan memerlukan penglibatan aktif guru dalam membentuk persekitaran pembelajaran yang menyokong penghayatan nilai akhlak Islamiah, sejajar dengan kajian oleh Tohirin dan Nurfuadi (2024) yang menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam pembangunan nilai moral murid melalui pendekatan pedagogi yang holistik dan berasaskan pengalaman harian murid. Dapatan ini membuktikan bahawa strategi pembelajaran yang mengambil kira konteks murid serta interaksi harian antara guru dan murid memberi impak positif dalam proses pembentukan akhlak Islamiah.

Selain itu, pendekatan kasih sayang yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam dalam kajian ini turut menegaskan kepentingan hubungan emosi yang positif antara guru dan murid. Pendekatan kasih sayang didapati berkesan kerana murid sekolah rendah berada pada fasa perkembangan emosi yang memerlukan sokongan dan penerimaan. Teguran secara lembut dan berhemah membantu murid menerima nasihat tanpa berasa terancam, seterusnya mendorong perubahan tingkah laku secara sukarela. Hubungan yang dibina atas dasar empati dan saling menghormati membantu murid menerima teguran dan nasihat dengan lebih terbuka. Pendekatan

ini selari dengan pandangan Ab. Halim Tamuri (2012) yang menekankan bahawa pendidikan akhlak perlu dilaksanakan secara hikmah dan berasaskan kasih sayang agar nilai yang disampaikan dapat dihayati secara berkesan.

Guru Pendidikan Islam sebagai Qudwah Hasanah

Perbincangan dapatan kajian turut menegaskan peranan guru Pendidikan Islam sebagai *qudwah hasanah* dalam pembentukan akhlak murid. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa *qudwah hasanah* atau contoh teladan merupakan strategi teras dalam penerapan akhlak Islamiah kerana murid sekolah rendah berada pada fasa perkembangan awal yang cenderung belajar melalui pemerhatian dan peniruan tingkah laku orang dewasa. Tingkah laku guru seperti pertuturan sopan, penampilan menutup aurat dan pengamalan adab Islam berfungsi sebagai rujukan praktikal yang membentuk pembiasaan akhlak murid secara berterusan dalam kehidupan seharian di sekolah. Peranan guru sebagai model akhlak menjadi semakin signifikan kerana guru merupakan individu yang berinteraksi secara langsung dan berterusan dengan murid di sekolah.

Peranan ini selari dengan pandangan Kamarul Azmi Jasmi (2017) yang menyatakan bahawa keperibadian guru memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah murid. Guru yang mengamalkan nilai akhlak Islamiah secara konsisten mampu mempengaruhi murid secara tidak langsung melalui proses peniruan dan pembiasaan. Hal ini membuktikan bahawa keberkesanan penerapan nilai akhlak tidak hanya bergantung kepada kandungan pengajaran, tetapi juga kepada personaliti dan akhlak guru itu sendiri. Selari dengan itu, kajian oleh Amin (2024) menyatakan bahawa keberkesanan pendidikan karakter di peringkat sekolah rendah banyak bergantung kepada integrasi nilai moral dalam budaya sekolah serta kompetensi pendidik dalam merancang dan melaksanakan strategi pembelajaran yang responsif terhadap cabaran semasa.

Dalam konteks pendidikan semasa, peranan guru sebagai *qudwah hasanah* menjadi semakin mencabar namun penting, khususnya apabila murid terdedah kepada pelbagai pengaruh luar seperti media sosial dan rakan sebaya. Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu memiliki kesedaran yang tinggi terhadap peranan mereka sebagai contoh teladan agar dapat menjadi rujukan moral yang positif kepada murid.

Cabaran dan Realiti Semasa dalam Penerapan Akhlak Islamiah

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam usaha menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid sekolah rendah. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah pengaruh keluarga, pengaruh teknologi dan media sosial serta kekangan masa pengajaran. Cabaran-cabaran ini memberi kesan terhadap keberkesanan penerapan nilai akhlak di sekolah. Pengaruh keluarga memberi kesan yang besar terhadap penerapan nilai akhlak murid. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat murid yang kurang mendapat sokongan nilai di rumah, sekali gus menyukarkan usaha guru di sekolah. Penemuan ini seiring dengan dapatan kajian oleh Rusnan et al. (2025) yang menegaskan bahawa

kesinambungan pendidikan nilai antara rumah dan sekolah adalah penting untuk memastikan keberkesanan pembentukan akhlak.

Selain itu, pengaruh teknologi dan media sosial turut memberi cabaran kepada guru Pendidikan Islam. Pendedahan murid kepada kandungan digital yang tidak selaras dengan nilai Islamiah boleh mempengaruhi sikap dan tingkah laku murid. Hal ini diperkuatkan oleh kajian semasa oleh Hasni Jahizah et al. (2023), yang menunjukkan bahawa penggunaan teknologi tanpa bimbingan nilai menyebabkan kekaburan moral dalam kalangan murid sekolah rendah. Kekangan masa pengajaran pula membataskan peluang guru untuk menekankan aspek penghayatan akhlak secara mendalam. Walaupun demikian, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru berusaha memanfaatkan masa yang ada dengan mengintegrasikan nilai akhlak dalam pengajaran harian. Hal ini menunjukkan komitmen guru Pendidikan Islam dalam memastikan penerapan nilai akhlak Islamiah tetap dilaksanakan walaupun berdepan dengan kekangan masa dan silibus.

Implikasi Kajian terhadap Amalan Pendidikan Islam

Secara keseluruhannya, perbincangan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa strategi guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah perlu berteraskan kasih sayang, contoh teladan dan nasihat berhikmah. Guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, malah sebagai pembentuk sahsiah dan akhlak murid. Oleh itu, aspek pembinaan akhlak guru wajar diberi penekanan dalam latihan perguruan dan pembangunan profesional berterusan agar guru sentiasa bersedia melaksanakan peranan sebagai pendidik yang holistik.

Kajian ini turut menyumbang kepada pengukuhan amalan PdP Pendidikan Islam dengan menekankan bahawa penerapan nilai akhlak Islamiah merupakan proses berterusan yang memerlukan kesedaran, komitmen dan keikhlasan guru. Apabila guru menghayati peranan mereka sebagai *qudwah hasanah*, usaha melahirkan murid yang berakhlak mulia, beriman dan bertakwa dapat direalisasikan selaras dengan matlamat Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini menyumbang kepada bidang Pendidikan Islam dengan memperlihatkan secara empirikal strategi sebenar yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam sekolah rendah dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah kepada murid. Berbeza daripada kajian terdahulu yang lebih menumpukan perbincangan konsep dan teori akhlak, kajian ini mengetengahkan pengalaman serta amalan guru dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sebenar, khususnya melalui pendekatan contoh teladan, kasih sayang dan nasihat berhikmah. Dapatan kajian ini memperkayakan literatur Pendidikan Islam dengan menyediakan gambaran praktikal tentang peranan guru sebagai *qudwah hasanah* dalam menghadapi cabaran semasa seperti pengaruh teknologi, latar belakang murid yang pelbagai dan kekangan masa pengajaran. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada guru, pentadbir sekolah dan pengkaji dalam usaha memperkukuh pelaksanaan pendidikan akhlak Islamiah secara lebih berkesan di peringkat sekolah rendah.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Kajian lanjutan dicadangkan agar melibatkan temu bual bersama murid-murid terpilih bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap strategi, amalan dan penghayatan akhlak Islamiah guru Pendidikan Islam. Penglibatan murid sebagai responden berpotensi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan autentik kerana murid merupakan individu yang sentiasa berinteraksi, memerhati dan menilai tingkah laku guru sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Perspektif murid ini bukan sahaja dapat mengukuhkan dapatan kajian sedia ada, malah dapat membantu mengenal pasti aspek kekuatan dan penambahbaikan dalam pelaksanaan strategi penerapan akhlak Islamiah oleh guru.

Selain itu, kajian akan datang juga boleh meneroka dengan lebih mendalam kaedah dan pendekatan yang paling berkesan dalam meningkatkan penghayatan akhlak Islamiah murid, sejajar dengan peranan guru Pendidikan Islam sebagai *qudwah hasanah* dan agen pembentukan sahsiah. Dapatan kajian lanjutan ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam serta memperkukuhkan usaha melahirkan generasi murid yang berakhlak mulia, beriman dan bertaqwa.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menumpukan kepada penelitian terhadap ciri-ciri akhlak guru serta pelaksanaan strategi penerapan akhlak Islamiah oleh guru Pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Data kajian diperoleh melalui kaedah pemerhatian dan temu bual bersama guru Pendidikan Islam sahaja, tanpa melibatkan perspektif murid secara langsung. Oleh itu, dapatan kajian ini lebih memfokuskan kepada amalan dan pendekatan akhlak guru berdasarkan pemerhatian pengkaji serta pengalaman dan refleksi guru Pendidikan Islam. Kajian ini turut membuktikan bahawa peranan guru Pendidikan Islam bukan sahaja terhad kepada penyampaian ilmu pengetahuan, malah merangkumi tanggungjawab sebagai pembimbing, pendidik dan contoh teladan kepada murid. Akhlak guru yang ditonjolkan secara konsisten dalam proses PdP memberi kesan yang signifikan terhadap pembentukan tingkah laku dan nilai dalam diri murid, selaras dengan matlamat Pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Walaupun terdapat cabaran dalam menerapkan nilai akhlak Islamiah, kajian ini menunjukkan bahawa kesedaran, keikhlasan dan komitmen guru mampu mengatasi kekangan tersebut dengan sokongan pihak sekolah dan ibu bapa. Justeru, usaha penerapan nilai akhlak Islamiah perlu dilaksanakan secara berterusan dan bersepadu agar dapat melahirkan generasi murid yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berakhlak mulia, beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengayaan amalan PdP Pendidikan Islam serta menjadi rujukan kepada guru, pentadbir sekolah dan pengkaji dalam memperkukuh pembentukan akhlak Islamiah dalam kalangan murid sekolah rendah.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*. 2(1), 45-56.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasa Jati Diri Melayu Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 23-34.
- Ahmad Zaini. (2014). Asbab An-Nuzul Dan Urgensinya Dalam Memahami Makna Al-Qur'an. Pascasarjana Uin Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Amin Muttaqien, Sudarto Sudarto & Dwi Noviani (2024). Konsep Pendidikan Akhlak dalam Al-Qur'an: Kajian Tafsir Surat Al-Baqarah ayat 83. *J-CEKI: Jurnal Cendekia Ilmiah*, 3(6), 8055-8065.
- Al-Tabari. Ibn Jarir. 2014. *Tafsir Ibnu Kathir*. Jilid 7, Pustaka Imam asy-Syafi'I, Indonesia.
- Andi Mohammad. (2015). Konsep Amanah Dalam Pengurusan Islam Dari Sudut Maqasid Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2006. Pendekatan Psikologi Dalam Pendidikan Akhlak Muslim Sebagai Pemangkin Pembangunan Insan dan Tamadun, *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 89-104.
- Ghazali Darusalam. (1997). *Dinimika Ilmu khlak Islamiyah*, Lohprint Sdn. Bhd, Selangor.
- Hasni Jahizah, Muhammad Daniel, Hadif Dani & Nur Qistina. (2023). Memperkasa Pendidikan Akhlak Di Sekolah: Satu Tinjauan Kontekstual Dalam Pendidikan Nasional. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 6(2), 53-67.
- Imam Jalaluddin as-Suyuti. (2008). *Asbabun Nuzul peristiwa penurunan ayat-ayat al-Quran*. Darul Fajr. Kuala Lumpur.
- Johari El-Yamani dan Joharo Talip. (2003). *As-Solat*, Al-Hidayah Publishers Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan*. (2010). Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi, 2017. Remaja dan Kehidupan Berbatasan dalam Beragama, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia Johor.
- Khairul Azhar Bin Meerangani. (2017). Potensi Zakat Dalam Pembangunan Umat Islam di Malaysia, Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka.
- Mohammad Muslihuddin Syah Haji Mustafa. (2014). Penerapan Nilai Akhlak dalam Menjana Pembangunan Belia, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.
- Mohd. Nasir Omar. (2010), Falsafah Akhlak, Penerbit UKM. Bangi Selangor.
- Nurzatil Ismah Azizan, Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Aza Shahnaz Azman, Mazlina Che Malik & Hairol Nizam Wahid. (2017). Konsep Amanah Menurut Perspektif Hadith. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Syed Omar Syed Aqil Al-Attas, (2003). *Melentur Rebung*. Mulia Erat Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Tohirin & Nurfuadi. (2024). The role of Islamic religious education teachers in moral development in schools. *Journal on Education*, 6(4), 20167-20180.
- Yunahar Ilyas. (1999). *Kuliah Akhlaq*, Pustaka Pelajar Offset. Yogyakarta.